

LAMPIRAN A

Log Kerja Lapangan

Tarikh	Aktiviti
07.07.03	<p>Lawatan pertama ke SMKBM. Perbincangan dengan Pengetua dan Guru Penolong Kanan Akademik berkaitan dengan kajian yang akan dijalankan. Kedatangan penyelidik untuk menjalankan kajian amat dialu-alukan. Berdasarkan perbincangan tersebut Puan Sim dipilih sebagai pesera kajian dan Peralihan Harmoni kelas yang terlibat sebagai konteks kajian.</p> <p>Berkenal-kenalan dengan kakitangan pejabat dan beberapa orang guru di kantin sekolah.</p>
10.07.03	<p>Lawatan susulan ke SMKBM. Dapat berkenalan dan berbincang dengan Puan Sim berkenaan tujuan kajian. Beliau bersetuju untuk menjadi peserta kajian.</p> <p>Meninjau-ninjau kawasan persekitaran sekolah</p> <p>Berbincang dengan Guru Penolong Kanan Akademik tentang isu-isu yang berkaitan dengan dunia pendidikan khususnya mata pelajaran Bahasa Melayu.</p>
14.07.03	<p>Penyelidik mengambil kesempatan untuk menjadi guru ganti di kelas Peralihan Harmoni oleh sebab Puan Sim tidak hadir ke sekolah kerana kematian kakaknya.</p> <p>Penyelidik berkenalan dan berbincang dengan pelajar-pelajar bagi mendapatkan gambaran awal tentang latar belakang dan penguasaan Bahasa Melayu pelajar di kelas tersebut. Terdapat sekumpulan pelajar yang agak sukar untuk bertutur dalam Bahasa Melayu dan memerlukan "rakan penterjemah" (rakan sekelas menterjemahkan apa-apa yang dikatakan oleh penyelidik).</p>
16.07.03	<p>Mengadakan temu bual dengan Puan Sim di Bilik Guru selepas waktu rehat kira-kira jam 10.30 pagi.</p> <p>Menulis transkripsi temu bual pada sebelah petang.</p>

- 18.07.03 Berbincang dengan Guru Penolong Kanan Akademik tentang latar belakang sekolah, pelajar, dan guru serta meninjau kawasan persekitaran sekolah. Memperoleh maklumat tentang sejarah penubuhan sekolah daripada Unit Dokumentasi SMKBM.
- Sesi temu bual yang berikutnya dengan Puan Sim tentang latar belakang diri dan kelas Peralihan Harmoni.
- 28.07.03 Membuat pemerhatian pertama di kelas Peralihan Harmoni. Membuat catatan dan merakamkan proses pengajaran dan pembelajaran menggunakan perakam audio.
- Tajuk Pelajaran: Piramid Makanan
- Selepas tamat pengajaran,penyelidik menemu bual Puan Sim di kantin dan membuat catatan lapangan lengkap pada sebelah malam.
- 01.08.03 Membuat pemerhatian kedua di kelas Peralihan Harmoni dengan bantuan alat perakam audio di samping membuat catatan pemerhatian.
- Tajuk Pelajaran: Simpulan Bahasa
- Penyelidik berpeluang mendengar bacaan pelajar. Ada beberapa bentuk kemahiran yang dipelajari seperti memadankan, mengkategorikan dan menghuraikan.
- Sesi temu bual diadakan selepas tamat pelajaran (10 minit).
- Penyelidik membuat transkripsi dan catatan lapangan lengkap.
- 08.08.03 Membuat pemerhatian pengajaran Puan Sim sambil menulis catatan pemerhatian dan membuat rakaman.
- Tajuk Pelajaran: Kemerdekaan
- Penyelidik membuat catatan pemerhatian pengajaran, perlakuan guru dan pelajar semasa sesi pengajaran dan pembelajaran.
- Pada sebelah malam mengemaskini catatan pemerhatian bagi membuat penyesuaian dengan pemerhatian hari berikutnya.

- 11.08.03 Pemerhatian di kelas Peralihan harmoni menggunakan alat rakaman audio selain menulis catatan pemerhatian.
- Tajuk Pelajaran: Hari Kebangsaan
- Berbincang dengan Puan Sim dan Guru Penolong Kanan HEM tentang pelajar-pelajar Peralihan di kantin.
-
- 12.08.03 Pemerhatian yang kelima di kelas Peralihan Harmoni. Seperti biasa penyelidik membuat catatan lapangan dan merakamkan proses pengajaran dengan alat perakam audio.
- Tajuk Pelajaran: Obesiti
- Sekali lagi penyelidik berpeluang mendengar bacaan pelajar (tidak begitu lancar, ada gangguan). Kemahiran berfikir yang diterapkan adalah menyusun semula, mengelas dan sebab menyelesaikan masalah.
- Sesi temu bual dengan Puan Sim selepas tamat pelajaran.
-
- 15.08.03 Membuat pemerhatian terakhir memandangkan data yang diperoleh padat dan mencukupi.
- Tajuk Pelajaran: Kata Adjektif
- Guru menerangkan jenis-jenis kata adjektif beserta dengan contoh. Guru menggunakan pelajar-pelajar sebagai contoh terdekat. Pelajar dikehendaki membina ayat berdasarkan kata adjektif yang diberi oleh guru.
- Jamuan ringan dan pemberian cenderamata serta ucapan penghargaan dan terima kasih kepada mereka yang terlibat dengan kajian penyelidik.

LAMPIRAN B

Contoh Sebahagian daripada Temu Bual

Bilangan Temu Bual: 2

Peserta Kajian: Puan Sim

Tarikh: 16.07.03

Masa: 10.30 -11.00

Tempat: Bilik Guru

-
- PK: Hari Isnin hari tu, cikgu mari. Sorrylah.
- P: Takpalah saya masuk kelas hari tu, berbual-bual dengan pelajar. Tak ramai ya, 15 orang. Lepas tu ada lebih kurang 5 minit sebelum rehat minta permission[kebenaran] nak main.
- PK: Diorang memang macam tu, cikgu boleh main tak, tak ada semangat, tak minat. Bila kita lalu dekat dia, dia buka buku. Kita ke depan dia tutup buku. Saya kena gerak selalu, tak boleh duduk diam.
- P: Boleh cikgu Sim cerita, apa masalah pelajar cikgu?
- PK: Makna perkataan tak tahu. Saya nak terangkan pun susah, benda kata rebus. Kita kata masak. Dia tanya apa itu masak cikgu. Kita kena terangkan, ambil periuk, masukkan air, masuk ubi, letak atas api, tutup 10 minit masak.
- P: Macam dia tak cuba cakap Cina dengan cikgu?
- PK: Selalulah. Sebab itu saya dah pandai cakap Cina sekarang. Banyak belajar dari pelajar. Diorang yang ajar saya. Kadang-kadang bawa note book tulis. Dulu tak pandai, sekarang dah pandai.
- P: Oh, dari segi tingkah laku, dia tak dok[duduk] diam. Kenapa ya budak-budak peralihan kalau nak dibandingkan dengan budak form one[tingkatan Satu] dia kurang matang sikit? Mengapa ya?
- PK: Dia budak-budak lagi, badan besar-besar. IQ diorang rendah satu sebab Peralihan tu budak last-last[kurang cerdas], budak yang Bahasa Melayu terukkan. Jadi dia masuk sekolah kebangsaan dia susahlah. Sepatutnya dia kalau masuk sekolah aliran Cina tak teruk. Diorang ni biasa kita asing dari budak lain.
- P: Dia tahu tak dia kelas macam tu? Dia terasa hati tak?
- PK: Terasa hati, tak. Diorang tak sedar benda tu. Parents[ibu bapa] diorang pun tahu kalau macam baru ni masa ambil report book[kad laporan], kad kemajuan, dia boleh cakap cikgu tahun depan anak saya ni saya nak suruh kerja. Parents[ibu bapa] dia sendiri tahu. Anak

dah tak boleh pergi kat sekolah. Tulah saya kata dengan dia tunggulah anak ambil PMR. At least[Sekurang-kurangnya] dia ada basic[asas pelajaran] sikit. Dia tak belajar pun ada basic sikit-sikit. Subjek lain pun teruk juga. Sekolah diorang tu sama, background[latar belakang] sama. Yang datang sini semua dari kelas belakang-belakang.

P: Hak[Yang] pandai-pandai pergi mana?

PK: Tak tahu, pergi Seri Sentosa, Emerald. Ada dua tiga orang tapi tak pandai juga.

P: Yang tak tahu baca berapa orang? Semua?

PK: Ya, sebab dia baca tak betul, sebutan tak betul. Entah mana-mana. Faham lagilah. Yang buat kita geram diorang tak nak cuba. Malas. Tu saya suruh eja. Eja ikut suku kata. Sekarang bila buat bacaan, sebelum baca tu suruh diorang buat palang suku kata. Eja sekerat-sekerat. Kita tunjuk contoh macam mana nak sebut ni, kamu palang. Kalau satu passage[petikan], satu passage diorang buat palang.

P: Kalau diorang tak faham satu masalah bagi dia nak menanda tu.

PK: Memanglah satu masalah. Sekarang ni dah retilah sikit-sikit. Dulu memang di hentam[buat] saja.

P: Dulu berapa orang, asal-asal cikgu mengajar?

PK: 17. Seorang pindah, kena buang seorang.

P: Mengapa kena buang?

PK: Masalah disiplin, selalu tak datang, curi duit,macam-macam. Budak miskin. Mak ayah alcoholic[kaki botol]. Yang ni salah seorang emak dia 24 jam mabuk, ayah dah kahwin lain. Entah pergi mana.

P: Diorang dengan cikgu macammama?

PK: Rapat. Diorang dah anggap kita kawankan.

P: Mungkin takda masalah sangat cikgu?

PK: Dengan cikgu sekarang takda masalah, dah lebih-lebih pulak.

P: Sebab cikgu baik sangat.

PK: Ha, kalau kita letak handbag[beg tangan], dia boleh ambil main-main. Kalau nak check pencil box[periksa bekas pensel] cikgu bawa apa hari ini. Suka sangat selongkar handbag. Tulah terutamanya yang gemuk tu. Cakap dengan dia kamu tak takut ke duit cikgu hilang kata kamuambil, tak takut ke? Dia cakap talambillah cikgu. Memang dia tak ambilpun.

P: Hak[Yang] lelaki empat orang tepi tingkap tu macam mana? Saya masuk nak mainlah.

- PK: Pemalas. Geng[kumpulan] tu susah nak ubah. Yang geng tu ayah kata nak bagi kerja. Ayah kata tak boleh nak buat apa-apa. Sebab bila datang nasihatkanlah. Kalau ada tuisyen hantarlah pi[pergi] Sebab budak-budak ni basic[asas] pun takda. Macam mana kita nak ajar.
- P: Habis cikgu dengan mak bapa diorang cakap Melayulah?
- PK: Ha, cakap Melayu. Lintang pukang semua. Faham tak faham lantak[biar] dialah.
- P: Macam emak bapa ni tahulah anak dia tahap macam mana?
- PK: Dia tahu. Dari sekolah rendah lagi bayangkan, macam mana diorang boleh lulus UPSRkan. Yalah sebab BM gagal tapi diorang boleh buat sebab bahasa Cina sekolah rendah.
- P: Emak bapa ni apa tindakan diorang dari segi kerjasama kat sekolah? Sekarang anak dia dalam kelas tu. Ada tak buat something[sesuatu]?
- PK: Emak ayah sibuk. Kadang-kadang sibuk, tak ada kat rumah. Dia jumpa malam sekejap-sekejap.
- P: Memang perhatian tu kurang walaupun dah tahu anak tu macam tu.
- PK: Kecuali seorang. Ada seorang tu, emak Wai Loo. Bila datang dia memang teruk dalam kelas tu. Takboleh nak buat apa. ABC pun tak tahu.
- P: Dia seoranglah emak bagi perhatian, ambil berat.
- PK: Ha, sekarang emak dia bagi tuisyen. Daripada ABC tunggang-langgang dialah.
- P: Tu perempuan Cina yang duduk belakang seorang tu, diam saja.
- PK: Tu lembam. Baik tapi entah, nak kata retarded[terencat] tak retarded tapi tu dia tak tahu apa. Kalau kita bagi salin, dia salin saja tapi tak tahu. Suruh baca dia senyum saja. Dia tu baik, tak banyak cakap, tak main. Senyum saja.
- P: Dia nampak lain. Hak perempuan dua orang tu nampak lincah, hyper active[sangat aktif].
- PK: Hak tu boleh guling-guling atas lantai dua orang tu.
- P: Kuat bergurau. Dia main dengan yang kecil tu, bertampar-tampar. Kita tengok pun takut. Main kasar.
- PK: Bagi dia main, nak buat macam mana. Lepas tu gaduh, bergaduh, bertumbuk. Yang kecil tu manja. Dia tak ada emak. Emak dia meninggal. Emak dia masak nasi ayam. Macam mana emak dia jual nasi nasi ayam, sup yang dia bawa tu tercurah, mandi terus. Emak dia meninggal sebab sup tu panas. Tu dia jadi sensitif. Bila kita beri perhatian, memang beri perhatian pun, dia boleh marah, dia lawan, masam kita kena pujuk dia. Kalau pujuk manja lebihlah.

(Selepas ini temu bual terus berlangsung lebih kurang lima minit)

LAMPIRAN C

Catatan Lapangan Lengkap

Bil Pemerhatian: 2

Masa: 8.50 - 11.10 pagi

Peserta kajian: Pn Sim

Tarikh: 01.08.03

Tajuk: Simpulan Bahasa

Tempat: Kelas PA Harmoni

Lebih kurang pukul 8.50 pagi saya tiba di kelas Peralihan Harmoni. Puan Sim sedang mengambil kedatangan pelajar pada hari tersebut. Saya terus mengambil tempat duduk di belakang kelas. Guru memulakan pelajaran dengan memberitahu pelajar,

" Okay hari ini kita nak belajar simpulan bahasa, tapi sebelum tu kita tengok petikan dalam buku teks ni muka surat 47. Okay siapa nak baca?

Seorang pelajar lelaki bangun hendak membaca petikan tersebut. Guru berkata lagi, "Okay kamu jadi Raja, lagi siapa nak baca. Cuba, salah tak apa. Praga kamu baca? Praga bangun apabila namanya disebut. (Pelajar-pelajar lain ada yang bercakap, senyap dan ada yang tidak membawa buku. Mengapa Pn Sim memilih Praga?) Puan Sim membaca arahan, "Lakonkan perbualan dengan sebutan dan intonasi yang betul. Praga kamu jadi Kok Keong. Situasinya, Raju dan Kok Keong ialah kawan baik. Pada suatu petang Raju bertemu dengan kok Keong".

Chai Loo dan Praga memulakan bacaan mereka. Cikgu menegur bacaan Praga yang tidak begitu kedengaran. Puan Sim membetulkan bacaan Chai Loo yang tidak jelas sebutannya kerana dipengaruhi dialek bahasa ibunda. Pada masa yang sama guru menegur seorang pelajar yang tidak membawa buku supaya berkongsi buku dengan kawan di sebelahnya. Guru juga meminta pelajar-pelajar lain supaya tidak bercakap dan menumpukan perhatian kepada buku teks masing-masing.

Setelah bacaan selesai guru mengucapkan terima kasih kepada kedua-dua pelajar, "Baik, terima kasih (suatu bentuk pujian yang baik untuk meningkatkan keyakinan pelajar). Dalam petikan yang kawan kamu baca tadi ada beberapa contoh simpulan bahasa. Contohnya ambil angin, lain siapa tahu?. Pelajar-pelajar berebut-rebut untuk menjawab. Guru memanggil nama pelajar yang mengangkat tangan, "Chai Loo apa jawapan kamu"? "Iri hati", jawab Chai Loo. "Saya cikgu", kata Praga. "Okay, apa dia Praga"? "Ada hati", Praga menjawab. Seterusnya dua

orang pelajar lagi memberi jawapan ambil hati dan isi hati. Cikgu memberi pujian kepada jawapan pelajar yang betul. (Lebih kurang pelajar yang sama terlibat dengan sesi soal jawab sama dengan pemerhatian pertama). Seorang pelajar memberikan jawapan yang kurang tepat selamat tinggal. Guru bertanya kepada pelajar-pelajar, "Kelas betul tak? Kenapa." (Pelbagai reaksi daripada pelajar ada yang jawab betul, ada yang menjawab tidak dan ada juga pelajar yang diam). Guru menenangkan situasi, "Tidak tepat, ada lima simpulan bahasa saja dalam petikan. Tahu tak maksud simpulan bahasa tu"? Respon pelajar, "Tak tau cikgu". Jawab guru, "Okay sekarang tengok aktiviti dua, cuba kamu tengok".

Guru : Makan angin, siapa tahu makna makan angin?

Chai Loo: Keluar bersiar-siar untuk menghilangkan penat.

Guru : Bagus, pergi jalan-jalan. Pergi melancong terutamanya pada masa cuti sekolah. Okay iri hati siapa tahu?

(Pelajar diam kerana tidak faham) Guru menerangkan, "Okay iri hati ialah perasaan cemburu. Contoh cikgu suka pada Tun Lee sebab dia rajin tetapi Edward tak suka cikgu. Dia marah sebab cikgu sayang dengan Tun Lee". (Ada pelajar yang menyebut dalam bahasa ibunda untuk menjelaskan maksud yang diterangkan oleh guru kepada rakan yang tidak faham). Apabila ada pelajar yang masih tidak faham guru cuba memberi contoh yang lain, "Macam nilah cikgu suka dengan cikgu Bob tapi cikgu man suka dengan cikgu. Cikgu Man cemburu bila cikgu suka Cikgu Bob. (Sekali lagi pelajar menterjemah huraian guru dalam bahasa ibunda).

"Okay ada hati maksudnya apa yang kita rasa bila orang cakap sesuatu kepada kita atau orang buat sesuatu kepada kita. Kita rasa tersinggung. Contoh Mun Yee ambil hati bila ada kawan yang kata dia gemuk" kata Puan Sim. Guru menegur pelajar-pelajar yang bercakap di belakang (sekumpulan pelajar yang sama suka berbual-bual semasa guru mengajar). "Akhir sekali isi hati", kata Puan Sim. Seorang pelajar menjawab dengan betul. Terang Puan Sim, "Apa yang kita rasa dalam hati. Marah, suka, benci, sayang. Okay sekarang buat aktiviti dua dalam buku tatabahasa. Padankan peribahasa yang kita bincangkan tadi dengan maksudnya". (Guru bergerak ke depan dan belakang melihat kerja pelajar, sesekali menegur pelajar yang tidak membuat kerja dan bercakap)

Selepas 15 minit guru menyuruh pelajar berhenti menulis dan bertanya pelajar yang belum siap. Guru menambah 3 minit lagi memberi tempoh kepada pelajar berkenaan menyiapkan kerja. (Bising, gangguan bunyi motor). Seterusnya guru menulis perkataan "HATI" di papan tulis dan meminta pelajar melihat ke depan sambil mengemukakan soalan kepada pelajar, "Tengok papan hitam, cikgu tulis apa ni"? Pelajar menjawab beramai-ramai. Seterusnya guru meminta pelajar memikirkan simpulan bahasa yang ada perkataan hati dan meminta pelajar yang tahu menulis jawapan di papan hitam. (Pelajar-pelajar berebut ke depan untuk menulis jawapan mungkin suka aktiviti sebegini pada pandangan penyelidik).

Guru menerangkan simpulan bahasa yang belum diterangkan seperti sagu hati, hati batu. Ada juga jawapan pelajar yang kurang tepat iaitu dalam hati. Guru menyetakan bahawa jawapan pelajar baik hati tidak tepat (pada pengetahuan penyelidikan baik hati ialah simpulan bahasa). Semasa guru menerangkan ada pelajar yang tidak memberi tumpuan, bermain-main dengan kipas, berjalan-jalan membuang sampah). Guru menegur perbuatan pelajar yang tidak memberikan perhatian semasa penerangan beliau. Pelajar nampak selesa berbahasa ibunda walaupun guru menegur beberapa kali dan menyatakan bahawa denda akan dikenakan kepada sesiapa yang tidak berbahasa Melayu (ada pelajar yang tidak endah dengan arahan tersebut).

Akhir sekali guru menyuruh pelajar-pelajar menyalin peta minda simpulan bahasa ke dalam buku tatabahasa. Ada pelajar yang bercakap tidak membuat latihan yang disuruh. Lima minit kemudian loceng rehat berbunyi. Pelajar segera bangun dan mengucapkan terima kasih kepada guru.